

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CEDI
Sent: Thursday, July 5, 2018 10:31 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli
Subject: PERSATUAN PENIAGA OKU KEDAH MENJALANI LATIHAN KEUSAHAWANAN DI UUM



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE

Universiti Utara Malaysia

5 JULAI 2018 / 21 SYAWAL 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

PERSATUAN PENIAGA OKU KEDAH MENJALANI LATIHAN KEUSAHAWANAN DI UUM



CEDI ONLINE: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), UUM telah menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bagi mengadakan Program Motivasi & Kursus Asas Keusahawanan Persatuan Peniaga OKU Kedah pada 25 – 26 Jun 2018 bertempat di *Student Lounge INASIS Petronas*, UUM.

Seramai 25 orang peserta terlibat dengan program ini yang terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Peniaga OKU Negeri Kedah. Seajar dengan objektif program, peserta telah diberikan pendedahan dan pemahaman mengenai kemahiran pengurusan perniagaan serta memberi motivasi keusahawanan.

Sepanjang 2 hari kursus berlangsung, peserta diberi pendedahan mengenai asas keusahawanan merangkumi modul Asas Pengurusan Diri, Asas Jualan, Pengurusan Inventori dan Pengurusan Kewangan.

LZNK selaku penganjur yakin dengan sambutan yang menggalakkan daripada peserta, program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan kerjasama CEDI-UUM selaku perunding dan *training provider*.

Peserta turut dibawa melawat ke beberapa tempat menarik sekitar kampus UUM antaranya seperti Taman Rusa, Dewan MAS dan Varsity Mall.

Program berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta yang disampaikan oleh Kapten (B) Abdul Nasir Bin Hasan, Ketua Bahagian, Bahagian Pembangunan Asnaf LZNK.

Turut hadir Timbalan Pengarah CEDI, Dr. Jauriyah Binti Shamsuddin, pegawai-pegawai CEDI dan pegawai-pegawai LZNK.

Program ini merupakan program yang julung-julung kali diadakan melibatkan kerjasama antara Lembaga Zakat Kedah dan CEDI-UUM bagi membantu meningkatkan sosioekonomi golongan OKU ketahap yang lebih baik.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.